

Harga siling baharu ayam belum dimuktamad

PUTRAJAYA: Keputusan membenarkan semula pengeksportan ayam serta penetapan harga siling baharu ayam dan telur akan dimuktamad, selepas Kementerian serta agensi berkaitan mengemuka laporan terperinci bekalan dan permintaan barang kepada Pasukan Jihad Tangani Inflasi.

Pengerusinya Tan Sri Annuar Musa, berkata Kementerian serta agensi berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Perangkaan diberi masa seminggu untuk mengemuka dapatan kajian kepada jawatankuasa.

Beliau berkata, penetapan harga ayam dan telur dalam pasaran berdasarkan pewartaan sekarang ialah sehingga 31 Ogos, manakala penilaian mengenai langkah seterusnya melepasi 31 Ogos akan mengambil kira input termasuk daripada JPV dan **Jabatan Perangkaan**.

"Pada masa ini, tidak perlu ada sebarang spekulasi kerana kita akan melihat kepada data dan kaedah yang tidak membebankan orang ramai," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Jihad Tangani Inflasi di sini hari ini.

Annuar berkata, antara faktor yang dinilai sebelum membuat keputusan ialah keberadaan bekalan ayam dalam negara yang dibawa masuk melalui kebenaran import, ayam yang dikeluarkan secara tempatan dan jumlah yang dijangka boleh dieksport semula.

Beliau berkata, Jabatan Perangkaan diminta membuat pengiraan berasaskan kajian di lapangan kos sebenar pengeluaran bagi setiap ekor ayam dalam negara.

"Angka itu penting bagi jawatankuasa menentukan berapa harga siling yang munasabah untuk memastikan kita dapat membuat kawalan harga yang berkesan dan juga untuk kita berlaku adil kepada penternak yang kadang kala menghadapi tekanan kos pengeluaran, terutama yang berpunca daripada barangan import seperti bijirin dan sebagainya," kata beliau.

JPV pula dikehendaki menentukan pertalian di antara bekalan ayam yang dibenarkan diimport, ayam yang diimport disimpan sebagai stok penimbun, ayam diimport yang dimasukkan dalam pasaran serta mengambil kira harga ayam yang dikeluarkan dalam pasaran bagi menentukan jumlah stok yang ada pada satu-satu masa dan jumlah keperluan untuk dieksport.

"Setelah angka-angka ini dibentangkan kepada jawatankuasa, barulah kita boleh memutuskan sama ada kita nak mengkaji semula dasar tidak dibenarkan mengeksport ayam pada masa ini serta dasar membenarkan ayam boleh diimport tanpa AP (Permit Import) seperti yang diumumkan sebelum ini," katanya.

Annuar berkata, walaupun terdapat banyak permintaan daripada penternak untuk mengeksport ayam susulan permintaan tinggi dari Singapura, namun semua pihak diminta bersabar supaya jawatankuasa dapat meneliti data yang ada bagi memastikan semuanya berada dalam keadaan terkawal.

Pada 29 Julai lalu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kerajaan akan mengkaji semula harga siling runcit ayam standard serta kebenaran mengeksport ayam

selepas pelaksanaan harga siling RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia tamat pada 31 Ogos ini. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/988845/harga-siling-baharu-ayam-belum-dimuktamad>